

07/10/2002

PPP minta taraf Bumiputera dibuka

Kadir Dikoh; Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan disaran memberi taraf Bumiputera kepada kaum bukan Bumiputera yang lahir selepas merdeka dalam usaha mewujudkan bangsa Malaysia yang tulen serta bersatu padu.

Saranan itu dikemukakan Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Senator Datuk M Kayveas, dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung ke-49 parti itu di sini, hari ini.

Pada perhimpunan yang dirasmikan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Kayveas yakin cadangan itu dapat menghapuskan kesangsian masyarakat bukan Bumiputera yang sering berasa terpinggir dan rendah diri seolah-olah menumpang di negara sendiri.

Cadangan itu adalah antara tiga elemen yang terkandung dalam Formula PPP atau Formula Kayveas bagi mewujudkan bangsa Malaysia. Dua elemen lain membabitkan penubuhan satu saja parti politik bagi mewakili bangsa Malaysia dan sekolah satu aliran.

Dr Mahathir yang ditanya mengenai saranan itu pada sidang akhbar kemudian, berkata semua cadangan PPP perlu mendapat pandangan parti komponen lain dan sebarang keputusan mesti dibuat berdasarkan permuafakatan dalam gabungan BN.

Mengenai permintaan PPP untuk mendapatkan kerusi pada pilihan raya akan datang, Perdana Menteri berkata, perkara itu juga memerlukan pertimbangan BN kerana semua parti komponen termasuk Umno turut meminta ditambah kerusi.

Kayveas berkata, beliau menyedari implikasi dan kritikan yang akan timbul berikutan cadangan itu, tetapi meminta rakyat menimbanginya kerana sudah tiba masanya penduduk pelbagai kaum disatukan dan dikenali sebagai bangsa Malaysia.

"Hari ini, kemenangan BN dalam pilihan raya tidak lagi bergantung kepada undi majoriti pengundi Melayu, tetapi undi penentu terletak di tangan kaum Cina, India dan bukan Bumiputera lain.

"Sebagai rakyat yang setia dan sayangkan Malaysia, kaum bukan Bumiputera tidak pernah gagal memilih BN, walaupun ada mereka sendiri berdepan dengan beberapa isu kaum yang kontroversi.

"Kaum bukan Bumiputera sudah melakukan yang terbaik untuk kesejahteraan Malaysia. Bahkan, dalam bidang tertentu, peranan yang dimainkan seimbang dengan Bumiputera dan ada kalanya melebihi kemampuan Bumiputera.

"Justeru, jika kita ikhlas melahirkan bangsa Malaysia yang tulen, kita perlu bertindak bagi mengimbangi kedudukan kaum bukan Bumiputera dengan Bumiputera," katanya.

Katanya, sebagai anak pribumi, semua kaum bukan Bumiputera yang bersama-sama berkorban memelihara kemerdekaan negara, perlu diberi pengiktirafan yang saksama.

Beliau bagaimanapun berkata, orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak tidak perlu bimbang kemungkinan hak keistimewaan mereka akan terhakis kerana status Bumiputera yang dicadangkan itu berbeza berbanding yang diperuntukkan Perlembagaan.